



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK RAMLI BIN MUHAMMAD  
PEWARIS TUK JANGGUT**

**OLEH:**

<b>MOHD NORRASHID BIN MOHAMAD SUKOR</b>	<b>2014713591</b>
<b>MUHAMMAD FAEIZWAN BIN JAAFAR</b>	<b>2014399263</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK RAMLI BIN MUHAMMAD  
PEWARIS TUK JANGGUT

OLEH:

MOHD NORRASHID BIN MOHAMAD SUKOR	2014713591
MUHAMMAD FAEIZWAN BIN JAAFAR	2014399263

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualikom wbt. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, kami akhirnya dapat melengkapkan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa sebagai kekangan dan halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemsyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation (pendokumentasian lisan), Puan Nor Kamariah Bte Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada Encik Ramli Bin Muhammad, tokoh yang kami telah pilih dan hormati, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami. Tokoh telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai beliau. Tanpa beliau mungkin dapat menghasilkan transkrip yang begitu lengkap dan bernilai ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	I
ISI KANDUNGAN .....	II
ABSTRAK.....	III
BIODATA TOKOH .....	IV
Pengenalan .....	V
TRANSKRIP .....	2
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA.....	2
BAHAGIAN 2: PERJALANAN HIDUP.....	12
BAHAGIAN 3 : HARAPAN / PENDAPAT / IMPIAN.....	31
LAMPIRAN .....	40
LOG WAWANCARA.....	40
SENARAI SOALAN.....	44
SURAT PERJANJIAN .....	49
GAMBAR.....	50
INDEKS.....	53

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

***Abstrak:** transkrip ini mengenai dan mengandungi temubual bersama Encik Ramli bin Muhammad mengenai Tuk Janggut dan serta pengorbanan beliau. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat Encik Ramli bin Muhammad di Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan pada 10 Mei 2016 bermula jam 3.15petang hingga 4.45 petang. Beliau adalah salah seorang daripada pewaris Tuk janggut yang maasih wujud sampai sekarang yang berumur 50 tahun. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan Tuk Janggut serta pengorbanan beliau di zaman dahulu . temu bual ini lebih tertumpu kepada pengorbanan, perjuangan dan latar belakang beliau sepanjang Tuk janggut masih hidup. Selain daripada itu beliau juga turut memberi sedikit pandangan mengenai cerita cerita lama Kelantan yang kian pudar pada masa kini.*

***Kata kunci:** Tuk janggut, pengorbanan, Perjuangan, Latar belakang, jihad, Kelantan folklore,*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



NAMA PENUH	:	RAMLI BIN MUHAMMAD
TARIKH LAHIR	:	10 JULAI 1916
TEMPAT KELAHIRAN	:	PASIR PUTEH, KELANTAN
JANTINA	:	LELAKI
AGAMA	:	ISLAM
PENDIDIKAN	:	SEKOLAH RENDAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGGAI SEKOLAH MENENGAH GAAL SEKOLAH MENENGAH KAMIL
KELUARGA	:	ISTERI - NURAINI BINTI MOHD YUSUF ANAK – 1. MUHAMMAD AMIR SHAHADAN 2. MUHAMMAD IZUAN ARIF 3. MUHAMMAD AZIZAL AM 4. NADIA MARLINI 5. SHAHIRA AMIRAH 6. MUHAMMAD AMAR HAIZRAN
KERJAYA	:	PEGAWAI DI MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH

# PENGENALAN

[Downloaded from !\[\]\(1d3a1175dd4902218e694b9c098adb83\_img.jpg\) Studydrive](#)

## PENGENALAN

Tok Janggut atau nama sebenar beliau Haji Hassan bin Panglima Mat Munas. Beliau dikatakan menyimpan janggutnya sehingga keparas dada, disebabkan itulah beliau digelar Tok Janggut. Beliau mendapat pendidikan di Mekah serta mahir bersilat. Punca perang Tok Janggut adalah cukai yang diperkenalkan oleh kerajaan British yang masuk campur dalam urusan pentadbiran negeri Kelantan sejak Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Pada awalnya Tok Janggut dan pengikutnya tidaklah menentang soal cukai. Tetapi disebabkan proses untuk membayar cukai menjadi sulit dan menyusahkan, membuat Tok Janggut serta pengikut lewat membayar cukai, dan kena hadir ke mahkamah. Tok Janggut Ingkar dan tidak hadir ke mahkamah, begitu juga pengikutnya. Dari situ tercetusnya perang. Tok Janggut dan pengikutnya pada waktu di gelar sebagai 'pemberontak'. Kini barulah beliau dipandang sebagai wira dan perjuang yang berani menentang British. Walaupun dia terkorban dalam mempertahankan hak. Jenazah tok janggut teruk disiksa. British memperkenalkan peraturan cukai tanah yang mewajikan petani membayar cukai tanah pada tahun 1915. Petani dikenakan pelbagai cukai yang membebankan seperti cukai pokok kelapa yang berbuah, cukai pokok pinang, cukai daun sireh dan ternakan lembu serta kerbau. Kesukaran membayar cukai kerana pejabat cukai terletak di Bandar. Penduduk yang gagal membayar cukai akan ditangkap dan didenda. Sikap biadap pegawai British yang bertugas menimbulkan kemarahan penduduk terhadap British. Sentimen anti-British meningkat apabila kerajaan Turki Uthmaniyah menyeru umat Islam berjihad menentang penjajah Barat. Tok Janggut menyahut seruan tersebut dengan melancarkan penentangan terhadap British di Pasir Puteh.

# TRANSKRIP

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisahkan tentang Encik Ramli Bin Muhammad iaitu pewaris kepada Tuk Janggut yang telah bnyak menyumbangkan sejarah di negeri Kelantan. Wawancara ini dijalankan di Pejabat majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan. Sesi wawancara bersama Encik Ramli Bin Muhammad ini telah diadakan pada 10 Mei 2016 pada pukul 3.15 petang hingga 4.45 petang. Temu bual ini berkisahkan tentang latar belakang Enbcik Ramli dan Tuk Janggut yang beliau tahu.

Petunjuk:

ER: Encik Ramli

MNR: Mohd Norrashid

MFJ: Muhammad Faeizwan bin jaafar

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA**

### **PEMBUKAAN.**

Assalamualaikum, pada hari ini bersamaan dengan sepuluh haribulan Mei dua ribu enam belas [2016], hari selasa, saya MUHAMMAD FAEIZWAN BIN JAAFAR bersama kawan saya MOHD RASHID BIN MD SUKOR akan menemubual Encik RAMLI tentang cerita atau kisah-kisah Tok Janggut yang pernah menjadi tokoh bangsa melayu pada suatu ketika dahulu. Temubual ini bertujuan untuk kita berkongsi cerita tentang apa yang pernah berlaku (bunyi kerusi) mengenai perihal-perihal Tok Janggut pada masa dahulu dan tujuan temubual

ini juga adalah untuk menyiapkan adalah untuk kami menyiapkan projek kami bagi subjek pendokumentasi.

**MFJ : Soalan yang pertama ya, apakah nama sebenar encik RAMLI?**

**ER :** NAMA RAMLI BIN MUHAMMAD. RAMLI BIN MUHAMMAD.

**MFJ : Apakah nama panggilan encik RAMLI di kalangan rakan-rakan encik?**

**ER:** Abang Li kot.

**MFJ: Mengapakah encik RAMLI diberikan nama sedemikian?**

**ER:** Okay –umm-- nama RAMLI ni nama orang melayu. Nama orang melayu yang paling popular. Betul? Melayu selalunya ada nama RAMLI. Betul? Kalau ada satu kalau kita tengok tv ada satu rancangan mencari RAMLI. Mengapa RAMLI? Mengapa tidak –umm-- tidak Hussin? Tidak sesiapaah selain daripada RAMLI. Tapi oleh kerana nama RAMLI tu adalah nama orang melayu maka diwujudkan satu rancangan mencari RAMLI untuk seorang pemain bola sepak. Kalau mencari Acong nama orang Cina. FIRDAUS contoh mungkin nama arab kan. Jadi RAMLI lah.

MFJ: **Bilakah tarikh lahir encik Raml?**

ER: Sepuluh Julai Sembilan belas enam puluh enam [1966].

MFJ: **Dimanakah encik RAMLI dibesarkan?**

ER: Dibesarkan di Pasir Puteh [kelantan] lahir, besar dan tua di Pasir Puteh [kelantan].

MFJ: **Memang kekal sini?**

ER: Asal sini, besar sini dan InsyaAllah mati jugak kat sini. (ketawa)

MFJ: **Dimanakah tempat yang ditetap encik RAMLI?**

ER: Maksudnya tinggallah? Tinggal pun Pasir Puteh [kelantan] jugak.

MFJ: **Dengan siapa encik RAMLI menetap?**

ER: Sekarang? Dengan keluargalah anak isteri.

MFJ: **Berapakah jumlah bilangan adik-beradik encik RAMLI?**

ER: Lima. Saya anak kedua.



**MNR: Boleh encik berikan nama setiap nama adik-beradik encik?**

ER: Nama yang pertama –umm—perempuan, perempuan nama Maya aka Mahara. Maya aka MAHARA BINTI MUHAMMAD. Kemudian adik saya nama Azhar. Adik Azhar tu nama Abdul Karim. Adik Abdul Karim tu nama Kembang Suria. Dua perempuan tiga lelaki.

**MFJ: Apakah pekerjaan encik RAMLI yang sekarang?**

ER: (Menunjuk ke arah papan yang menunjukkan Bahagian Penguatkuasa Majlis Daerah) (ketawa).

**MFJ: Dimanakah encik RAMLI belajar dahulu?**

ER: Saya belajar di SEKOLAH RENDAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGGAI. Sama dengan dengan Halim Naziq. (ketawa). Kemudian sekolah menengah di SEKOLAH MENENGAH GAAL. Dan ke SEKOLAH MENENGAH KAMIL. SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGGAI, GAAL, KAMIL. Kemudian ke sekolah swasta (ketawa). STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia).

**MFJ: Pembelajaran encik RAMLI berhenti setakat STPM?**

ER: STPM.

**MFJ: Siapakah nama bapa encik RAMLI?**

ER: MUHAMMAD BIN ABDULLAH.

**MFJ: Bagaimana pula dengan nama ibu encik RAMLI?**

ER: Che Rugayah. CHE RUGAYAH BINTI ABDUL RAHMAN.

**MFJ: Adakah encik RAMLI sudah berkahwin?**

ER: Dah.

**MFJ: Siapa nama –umm- isteri encik RAMLI?**

ER: NURAINI BINTI MOHD YUSUF. Nuraini.

**MNR: Bolehkah encik ceritakan serba sedikit pasal isteri encik? Asal-usul?**

ER: Asal dia asal mana asal sini jugaklah. Asal Pasir Puteh di Kampung Jelor [kelantan].  
–umm- Menetap pun disini lah. Dia pun belajar dia belajar di SEKOLAH  
MENENGAH TOK JANGGUT sehingga STPM jugaklah.

**MFJ: Apakah pekerjaan isteri encik RAMLI sekarang?**

ER: Dulu dia pernah jadi guru sandaranlah lah. Guru sandaran di sekolah khas. Kemudian dah berhentilah. Sebab dulu kita ada ada slot untuk guru sandaran. Kemudian ditawarkan ke MAKTAB PERGURUAN GAYA di Sabah. Kemudian tak melanjutkan pelajaran lah.

**MFJ: Sekarang kiranya suri rumah sepenuh masa?**

ER: Kira suri rumah.

**MFJ: --Umm-- Adakah encik RAMLI mempunyai anak sekarang?**

ER: Enam orang anak.

**MNR: Boleh tak encik ceritakan setiap nama anak encik**

ER: Anak yang pertama MUHAMMAD AMIR SHAHADAN. Kedua MUHAMMAD IZUAN ARIF. Ketiga Azizal Am. MUHAMMAD AZIZAL AM. Keempat NADIA MARLINI. Perempuan yang pertama. Kemudian kelima SHAHIRA AMIRAH. Perempuan kedua. Dan MUHAMMAD AMAR HAIZRAN yang keenam.

**MFJ: --Umm-- Adakah encik RAMLI mempunyai anak yang masih belajar?**

ER: Cuma sorang --umm-- dua orang yang sudah habis belajar. Yang lain empat masih belajar.

**MFJ: --Umm-- Dimanakah anak encik RAMLI belajar sekarang?**

ER: Yang sulung dah habis dah di UiTM (Universiti Teknologi Mara), Shah Alam [Selangor]. Kemudian yang kedua tamat haritu. Dulu dia main bola sepak Shahzan Muda. AKADEMI SHAHZAN MUDA di Kuantan [Pahang]. Kemudian main untuk Shah Alam. Dan dah berhenti dah tak main dah. Kemudian yang kedua, anak kedua, tadi yang pertama ya. Yang ketiga. Yang kedua masih belajar di UMS (Universiti Malaysia Sabah) Sabah. Yang keempat tu Nadia Marlina tingkatan enam atas sekarang. Amirah tingkatan lima. Amar darjah dua.

**MFJ: Adakah encik RAMLI mempunyai anak yang sudah berumah tangga?**

ER: Tiada. Yang sulung dah habis belajar. Main takraw untuk Kelantan. Untuk IPT (Institut Pengajian Tinggi) dulu. Sukan IPT. Takraw dan pernah juara ya kebangsaan.

MFJ: **Apakah hobi encik RAMLI bagi mengisi masa lapang?**

ER: Hobi? Dulu-dulu masa-masa muda dulu pernah main muzik. Kalau tiada kerja main muzik lah. Sekarang ni dah tiadalah hobinya. Hobi ni kalau boleh kita nak main lagi sebenarnya. Kalau boleh nak main lagi sukanlah. Sukan bola sepak, badminton. Bola sepak ni --umm--di Pasir Puteh [kelantan] saya pengerusi lah. Pengerusi persatuan bola sepak. *Persatuan Active Community Club. Active Community Club* saya pengerusi lah di Pasir Puteh [kelantan]. Dia *Active Community Club* ni ada bola sepak, ada bola tampar, ada takraw, ada badminton, ada sukan-sukan yang biasa kita tengoklah. Futsal apa semua --umm-- termasuklah bowling lah. --umm--Bowling ada. Banyak *cabang*[bahagian]. Selain daripada sukan kita juga ada, *Active Community Club* ni ada, selalu kalau ada orang yang ditimpa musibah kita bantulah. Kalau banjir kita tulah ada satu angkatan. Satu satu pasukan lah yang membantu. 4x4 yang tertulis ACC (*Active Community Club*) Kelab warga Aktif. Jadi kita bantulah itu. Nak kata hobi tu tidak lah jugak kan, bukan hobi tapi dah mengisi masa lapang lah. --umm--Kalau tiada kerja memang kita buat begitulah, lagi pulak saya berada dalam dalam pasukan sukarela ni kan jadi banyak jugalah --umm-- sukarelawan kebajikan masyarakat ada. Ketua operasi untuk bomba sukarela. Jadi banyak yang terlibatlah. Banyak terlibat jadi tiada benda yang yang boleh boleh nak kata hobi masa lapang tiadalah. Hobi masa lapang memang tiada. Masa lapang kita memang kita sedekahkan tenaga untuk kebajikan lah. Untuk untuk sosial.

**MNR: Sudah berapa lama encik RAMLI terlibat dalam ACC ni?**

ER: Dah lima tahun. Dah lima tahun. Yang kalau kalau bomba sukarela dah lama. Dah lama dah. Dah dua puluh tahun ada. Dekat dua puluh tahun kemudian sukarelawan kebajikan tu, dulu BRIGADE KEBAJIKAN PERDANA saya rasa dekat sepuluh tahun.

**MFJ: Tadi encik RAMLI ada mengatakan minat untuk bermain muzik, apakah muzik yang encik RAMLI suka main?**

ER: Selalu kita main gitar jelah. Main gitar syok sendiri bolehlah. Kalau ada basking kalau ada lah geng yang nak buat band ke, selalu dia panggilah, panggil ajak main gitar tu. Kita main gitar pun rentak jelah. Nak main lead sibuk mengawal. Kita pun tak pandai sangat. Bolehlah main rentak tu bolehlah. Syok sendiri jari pun pendekkan.

**MFJ: Apakah cita-cita sebenar encik RAMLI?**

ER: Cita-cita saya pun tak tahu. Dulu-dulu masa sekolah dulu bila orang tanya saya cita-cita tak boleh cakaplah apa saya nak jadi. Bila dah dewasa lah kan saya pun tak tahu, tapi saya pernah bertugas di Porrim dulu, sekarang ni Porla ya. Pernah bertugas sana sebagai pembantu penyelidik tanah. Kemudian, saya pernah menjadi penolong

pengurus besar di Koperasi RISDA (Koperasi Pekebun Getah Berhad). Kemudian dalam begitu pun saya tidak berapa sesuai dalam bidang perniagaan. Saya tak pandai sangat nak mengira duit sampai juta-juta tak pandai. Kita penolong pengurus, yang pengurusnya memang tak layanlah semua, urusan di ofis tu kita yang buat. Jadi pening lah pening saya pun letak jawatan. Letak jawatan kerja sini balik. Saya dah kerja sini, kerja di Majlis Daerah secara sambilan. Jawatan sambilan. Kemudian tangguh, tangguh jawatan pergi kerja dengan koperasi. Masa tu YDP (Yang Dipertua) bagus. Dia kata pergilah kerjalah dah dapat. Kalau rasa okay, okaylah. Pergi peninglah balik jumpa dia “Bos pening bos”. Pergilah datang balik. Datang balik sini. Lima bulan saya berhenti. Datang balik sini, sampai harini. Masa tu sambilan lah. Lepas itu, bila dah --umm—kita mohon ke jawatan tetap sampai sekarang lah. Kira dah dua puluh enam tahun lah kat sini. Dua puluh enam tahun, sekarang dah umur lima puluh dah. Bulan Julai nanti lima puluh lah. Sepuluh Julai.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PERJALANAN HIDUP.**

**MFJ: Soalan seterusnya, bolehkah encik menceritakan sedikit peristiwa-peristiwa mengenai Tok Janggut yang tidak diketahui orang oleh orang ramai?**

**ER:** Tok Janggut menentang Inggeris kerana apa? Cukai. Saya selalu jelaskan Tok Janggut menentang Inggeris bukan kerana GST (*Government Service Tax*) [servis cukai kerajaan]. Bukan sebab GST ya. GST itu sekadar nilai tambah kepada kemarahan Tok Janggut. (Bunyi telefon bordering). Mesyuarat. Kejap. Whatsapp whatsapp. (ketawa). --umm-- Tok Janggut menentang Inggeris bukan kerana GST. GST tu cukai tu --umm—nilai tambah kepada kemarahan Tok Janggut. Cuma Tok Janggut mencari satu sebab yang munasabah untuk dia menentang Inggeris. Yang dia ada ialah fatwa kerajaan TURKI daripada UTHMANIYYAH. Kerajaan TURKI UTHMANIYYAH. Yang dia bawa itu sebenarnya. Dia menentang Inggeris kerana fatwa tersebut. Dia seorang pendekar. Dia seorang guru agama. Yang jarang kita ketahui dia sebenarnya seorang yang agak waraklah selain daripada itu. --umm-- Dan macam-macam cerita yang kita dengar Tok Janggut ni samseng. Tok Janggut, macam-macam lah yang kita dengar. Tapi hakikatnya, --umm-- dia adalah seorang ulama'. Seorang ulama'. Dia, selain daripada pendekar, dia seorang ulama'. Dia belajar di MEKKAH. Dia belajar sana. Kemudian, bila berlakunya perjanjian Bangkok, bila berlaku perjanjian Bangkok seribu sembilan ratus kalau tidak silap, saya pun tidak pasti. PERJANJIAN BANGKOK --chem—membahagikan Tanah Melayu. NEGERI MELAYU BERSEKUTU, Selangor, Perak, --umm-- mana Pahang



ya, dan Johor, Negeri Melayu Bersekutu. Kemudian, Negeri Selat, Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Kemudian, Negeri Melayu yang tidak bersekutu, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Ini empat negeri. Sebenarnya empat negeri ni adalah dibawah pemerintahan Siam. Dibawah jajahan bukan takluklah, Siam tidak pernah menjajah kita. Tapi sekadar kita membayar ufti kepada kerajaan Siam, mengatakan kita ni tunduk kepada kuasanya. Tunduk kepada kuasanya. Sebab berlaku perang yang dulu, sebelum itu perang berlaku diantara Kedah dengan Siam ya, Kedah dengan Siam. Jadi --umm-- akibatnya kita terpaksa kena tunduk kepada kuasa Siam dengan kita menghantar ufti. Lama bukan baru. Ini lama, kisah lama. Kita dah hantar ufti. Tapi perjanjian Bangkok sembilan belas --umm-- seribu sembilan ratus [1900] membahagikan Tanah Melayu ini kepada beberapa bahagian. Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Selat, Negeri Melayu tidak Bersekutu kemudian wilayah, empat wilayah di Thailand. Empat wilayah di Thailand. Sebab sempadan --umm-- Tanah Melayu adalah di Segenting Kera. Sana, Segenting Kera. Jauh ke dalam. Narathiwat [Thailand], --umm-- apa lagi Narathiwat [Thailand] yang dekat sekali. Narathiwat. Kemudian, Songkla, Pattani. Empat wilayah yang di sana diberi kepada Siam. Kemudian empat negeri Kelantan, Terengganu dan Perlis --umm-- Kedah, Perlis, diberi kepada Inggeris, dibahagi begitu. Kemudian bila dah dibahagi begitu, SYEIKH DAUD --umm-- SYEIKH AHMAD FATHANI. SYEIKH AHMAD ni murid kepada SYEIKH DAUD FATANI. SYEIKH AHMAD adalah guru kepada Tok Janggut. Die pesan kepada Tok Janggut supaya balik. Kerana negara pada ketika itu akan huru-hara. Kita sudah berada dibawah pemerintahan Inggeris. --Umm-- Pemerintahan bukan Islam. Pemerintahan kafir. Kita mesti menentang. Itu SYEIKH

AHMAD FATHANI, dia minta Tok Janggut balik daripada Mekkah. Itu yang Tok Janggut balik --umm-- tahun seribu sembilan ratus [1900] ke atas lah saya pun tidak tidak pasti. Cuma perang itu berlaku pada tahun seribu sembilan ratus lima belas [1915]. Sembilan belas lima belas [1915]. Dah seratus tahun. Dua puluh lima Mei. Dua puluh lima Mei. Dua puluh lima bulan Mei lah. Bulan Mei. Berlaku perang. Hasil daripada Tok Janggut dah balik. Kebetulannya, ayahnya meninggal. Ayah dah meninggal. Kemudian Tok Janggut pun mengambil alih sebagai kerusi panglima di Istana Jeram. Itu Istana Jeram ya. Istana Jeram, kita kita akan cuba kupas sikit pasal Istana Jeram. Mengapa wujudnya ada wujudnya istana di Jeram ya. --Umm-- Kita pergi ke kewujudan Istana Jeram ni --umm-- menunjukkan ada satu Kelantan ini terbahagi kepada dua bahagian. Dua bahagian iaitu bahagian yang pertama, bahagian yang diperintah oleh Long Gaffar. Long Gaffar. Kemudian lagi satu bahagian oleh Long Yunus. Long Gaffar daripada --umm-- Melor, atas Limbat, Kampung Limbat sampai ke --umm-- Permaisuri. Itu Kelantan. Sampai sana. Kemudian yang atas ni --umm-- dibawah Long Yunus. Kemudian yang sebelah Utara, sebelah Selatan Kelantan. Sebelah Utara Kota Bharu ya. Selatan oleh Raja Legih. Raja Legih. Raja Legih yang memerintah. Itu yang terbahagi terbahagi kepada tiga bukan dua ya tiga. Sebenarnya, Raja Legih itu tidak tidak terlibat dengan konflik Kota kebanggaan. Itu yang kalau kita belek sejarah Kelantan, Kota Kubang Lama. Yang tidak --umm-- Raja Legih tidak terlibat. Yang terlibat Long Yunus dan Long Gaffar. --Umm-- Long Yunus membina istana di Jeram. Anak Long Yunus ialah Tunku Sri Maharaja. Kalau kita tengok di di Bukit Abal, Kampung Bukit Abal tu ada satu SEKOLAH MENENGAH SRI MAHARAJA. Sri Maharaja ialah mengambil

sempena nama raja yang memerintah Pasir Puteh. Memerintah Pasir Puteh. Jeram adalah dibawah pemerintahan Pasir Puteh berada dibawah pemerintahan Jeram. Rajanya ialah Jeram. Kemudian Tok Janggut mengambil alih mengambil alih kerusi ayah dia Panglima Munas jadi panglima. Dan pada ketika itu, Engku besar anak kepada Tunku Sri Maharaja yang memerintah Pasir Puteh. Jadi gitu --umm-- apabila berlaku itu Tok Janggut mengumpulkan seramai mungkin anak muda pada ketika itu dan ingin memberi motivasi bahawa memberi fatwa membawa fatwa kerajaan Turki Uthmaniyyah kepada semua anak muda yang pada bila-bila masa akan bangkit menentang Inggeris. Haram orang Islam berada dibawah pemerintahan orang kafir. Haram ya bukan main-main. Haram orang Islam berada dibawah pemerintahan orang kafir. Ituyang dibawa. Kemudian, berlakulah pungutan cukai yang tidak munasabah. Pungutan cukai yang tidak munasabah sehingga ke --umm-- hanya sirih ya daun sirih, daun sirih pun dikenakan cukai, pinang pun kena cukai, beras, ubi semua sekalilah makanan. Makanan harian pun dikenakan GST. Cukai yang tidak munasabah. Jadi Tok Janggut mengambil peluang daripada kesilapan Inggeris itu untuk menentang. Tidak ada satu pun pejuang yang ada di Malaysia. Bukan sombonglah saya nak cakap. Bukan sombong. Tidak ada satu pun pejuang di Malaysia ya di Tanah Melayu ini yang mampu mengumpulkan sebegitu ramai tentera untuk menentang Inggeris. Ini yang menyebabkan Tok Janggut menjadi satu sejarah dunia. Bukan saja sejarah bukan hanya sejarah di Tanah Melayu bukan sejarah Malaysia. Tetapi sejarah seluruh dunia. Inilah seorang lelaki yang boleh bangkit. Boleh membawa satu gerombolan untuk menentang. Gerombolan tentera untuk menentang Inggeris. Jarang bangsa kolonial yang memerintah di mana-mana hatta di

Sepanyol, di Filipina, Belanda, di Indonesia. Di Filipina, hanya yang bangun Jose Rizal. Kemudian dibakar dengan dalam majlis. Di di di --umm-- di Indonesia ada beberapa kerat yang mengikuti yang dijelas sebagai pendekar Si Mambo Kuning daripada Mataram menentang Belanda. Itu satu sekumpulan lelaki hanya dalam kira-kira dua puluh dua ratus orang. Ini ribu-ribu. Satu gerombolan tentera. Kalau satu battalion. Kalau kita nak tengok satu battalion dari Pasir Puteh, dari Besut, dari Kuala Krai pun sudah berhimpun. Sudah mampu untuk datang untuk menyerang. Tetapi kehebatan Inggeris --umm-- strategi perang dia memang hebatlah. Inggeris memang hebat. Dia ada sifat dendam ada sama dengan Perancis punya punya bangsalah. Bangsa Perancis ni pendendam. Inggeris pun samalah. Tempat dia pun dekat-dekat ya. Dia dekat-dekatlah. Samalah dendam. Bila berlaku peperangan, bila Tok Janggut mampu menyerang Balai Polis rumah pasung, rumah pasung yang ada di tepi sungai. Tepi sungai. Menyerang rumah pasung dan menawannya kemudian menyerang Pejabat Tanah. Menawan Pejabat Tanah dan menawan keseluruhan. Kemudian membina khemah, memasang khemah di Padang Kerja. Padang dekat depanlah. Padang ini. Pejabat Tanah kekal. Masih lagi kekal dengan tempat dia. Tempatnya sana. Rumah pasung di tepi sungai. Tentera Inggeris, polis tentera Inggeris semua berundur ke Kota Bharu. Lari ke Kota Bharu. Kemudian Tok Janggut mengisytiharkan Engku Besar sebagai raja dan mengisytiharkan diri dia sebagai Perdana Menteri pada ketika itu. Bahawa ini, kemenangan sudah wujud. Sudah muncul kemenangan. Kemudian tentera dari Kuala Krai sudah berhimpun dan bergerak ke Pasir Puteh. Bergerak ke Pasir Puteh daripada dari Besut pula bergerak hingga ke Pelagat. Tempat Pelagat tu Pelagat ni dekat dengan Jerteh. Dekat sini

daripada Jerteh. Berhimpun disana. Kemudian Inggeris menghantar satu armada laut. Armada laut dari Singapura kemudian menembak menggunakan meriam dari kapal menembak Kuala Semerak. Sehingga kaum siam yang berada di Pesirik persisiran sungai tepi-tepi sungai di Semerak tu terpaksa lari. Lari berpindah ke ada yang ke Kampung Nara sini dan ke Seligi membina penempatan baru sampai sekarang pun Siam tu masih ada dekat sana. Kemudian yang dari darat dari Kota Bharu, dari Kuala Terengganu juga sudah dihantar ke Pasir Puteh. Berlakulah sebuah pertempuran yang besar di Kampung Dalam Pupuh. Kampung Dalam Pupuh dekat-dekat dekat Saring ya. Kalau dari UiTM (Universiti Teknologi Mara) Kampung Jeram kemudian Saring sebelum sampai ke bulatan Tok Adam. Itu bulatan Tok Adam. Tok Adam itu adalah penghulu Adam. Penghulu Adam salah seorang pejuang yang tewas pada ketika Tok Janggut tewas. Tok Janggut tewas, dia pun tewas. Lebai Kadir, Haji Sahak. --Umm-- Bila berlaku peperangan yang besar pertempuran yang besar di Kampung Dalam Pupuh, Inggeris Berjaya dihalau sekali lagi. Tentera Inggeris berjaya di berjaya dihalau. Kemudian Inggeris berundur hingga ke --umm—Cherang Tuli. Inggeris berundur ke Cherang Tuli, tentera Tok Janggut masih mengejar. Berlaku lagi peperangan, pertempuran di Cherang Tuli dan kali ini ramai yang di pihak Tok Janggut yang gugur kemudian berundur. Tok Janggut berundur kembali ke Kampung Dalam Pupuh. Tempat di sana ada kubu ada apa semua ke sana tapi tenteranya sudah tidak ramai. Tok Janggut gugur disana. Bila dia gugur, oleh kerana Inggeris lebih telah mendahului serangan, jadi tentera dari Kuala Krai tidak sempat sampai. Daripada Besut juga tidak sempat sampai. Dari Kuala Krai hingga ke Machang, sampai ke Machang, kemudian dari Besut sampai ke Pelagat. Bila sampai sana

berhimpun nak turun utusan dihantar ke sana mengatakan Tok Janggut sudah gugur. Jadi bila Tok Janggut gugur dia orang berundur lah. Sebab sudah tiada tiada ketua, tiada orang yang akan memimpin, tiada pemimpin. Jadi berundur. Berundur sehinggalah Inggeris mengejar semua kawan Tok Janggut, keluarga Tok Janggut, anak, cucu. Anak cucu memang tiadalah. Tok Janggut memang tiada anaklah. Anak-anak anak saudara dialah yang yang, dia bela dua orang anak saudara. Satu nama Ismail. Satu nama Abdullah. Cucu bukan anak. Cucu saudara. Anak, anak saudara. Anak saudara dia. Anak saudara. Jadi dia bela dua orang. Dia bela dua orang. Bila dia dia nak turun ke ke medan perang, dia berpesan supaya ada orang bawa bawa lari dua orang anak saudara dia ni. Jadi dia bawa lari lah. Bawa ke ke bukit, Haji Abi Ismail itu ke Bukit Cekeh. Tempat pemancar ' TV ' tiga tu. Kalau kita tengok simpang nak pergi ke Gelut. Jalan simpang tu di Wakaf Bichuk menara menara ' TV3 ' kesana. Kemudian Abdullah tu ke ke Bukit Lalang. Bukit Lalang tempat entahlah orang cari permata kat sana. Ramai orang. Jadi tadi dua orang telah dibawa lari lah. Setiap seorang dibekalkan sebilah keris. Siapa bawa lari dibekal ini keris anak aku. Dia tiada anak. --Umm-- Kemudian dia dah gugurlah gugur disana. Kemudian dibawa ke Kota Bharu dan di digantung songsang sehingga Tok Kenali datang ke istana dan menyembah satu --umm-- satu fatwa satu hukumlah mengatakan tidak boleh kita orang Islam orang Islam diperlakukan begitu digantung songsang. Digantung songsang selama tiga hari. Tapi orang dululah hebat ya tiga hari okay lagi ya. Mayatnya okay lagi tiga hari. Tiga hari apa tergantung bengkok sikit sahaja. Nampak macam membengkok sikit lah. Bengkok Cuma membengkok tapi kali kita tiga hari dah pecah dah. Semua pecah-pecah tanggal ya. Dia okay lagi. Mayatnya

okay lagi. --Umm-- Entahlah itu amalan dialah orang dulu-dulu kan. Lagi pula Tok Janggut ni orang alim. Dikatakan kebal tapi kebal macam manapun kalau kebal tembak memang tidak lut lah. Tapi ada yang ada yang ceritalah dulu, saya pun tidak faham lah ada yang cakap ditembak dengan peluru ulit. Peluru ulit ni saya pun tidak tahulah macam mana peluru ulit. Tapi yang saya tahu peluru tu dibuat dari perak. Perak ataupun emas. Peluru itu diperbuat daripada perak ataupun emas. Kalau tidak tidak lut. Wallahualam. Kita pun tidak tahu. Itu mungkin mitos lah. Tambah sikit (ketawa). Kalau dah pokok tu tidak rendang kan letak gulai sikit. Biasalah orang melayu kan. Dan ada ada satu kisah satu dakwaan mengatakan Tok Janggut tidak tidak mati pada ketika itu. Okaylah tidak mati saya pun okay saya boleh terima. Kalau semua yang yang dikatakan tidak mati yang mengatakan tidak mati tidak matilah. Saya pun terimalah tidak mati. Tapi tolonglah bawa bukti visual yang boleh kita tonton. Betul tidak. Tok Janggut mati, arwah Professor Dr. Nik Anuar nak pergi ke England di *Oxford* di *Magdalen Library* bawa keluar semua menghabiskan wang sebanyak lima belas ribu ringgit untuk bawa keluar benda itu dan membawa balik semua gambar. Gambar yang gantung gambar jenazah. Gambar kawan-kawan, anak-anak buah, pengikut-pengikut Tok Janggut yang berdepan dengan *fireman* [Penembak] tahu *fireman* [penembak]. Bukan bukan bukan bomba ya *fireman* [pemadam api]. Diikat kemudian sebaris dalam tiga puluh orang lima belas orang gitu. *Fire!* [tembak]. (Bunyi meja). Tembak. Mereka pun tembak. Makna kalau *fire* [tembak] tu kalau ada lima belas orang lima belas peluru masuk sana. Itu yang kenanya Pok Yah Lubok Kawah, Ibrahim Teleng. Lubuk Kawah tahu mana? Lubuk Kawah dekat Hospital Jerneh. Hospital Jerneh yang hospital, belah hospital tu

Kampung Cherang Liling, lepas Cherang Liling, Lubuk Kawah. Maknanya Besut ni, daripada Besut. Itulah pengikut Tok Janggut ramai daripada luar. Daripada luar. Daripada --umm-- Jerteh, daripada Besut, daripada daripada Machang, Kuala Krai. Bukan bukan hanya Pasir Puteh lah. Itulah dia seorang lelaki yang hebat. Seorang lelaki yang hebat. Lagi pula siapa pejuang yang lebih bermaruah kalau nak banding dengan Tok Janggut. Bukan saya nak kondem. Bukan saya nak kondem pejuang-pejuang lain. Kita memang saya salute semua pejuang. Saya suka. Sejarah perjuangan di Tanah Melayu ni saya suka. Siapa lagi. Siapa selain Tok Janggut. --Umm-- Abdul Rahman Limbong yang seangkatan lah. Abdul Rahman Limbong, Mat Kilau, kemudian ayah Mat Kilau Tok Gajah, Datuk Bahaman di Pahang lah. Ketiga-tiga di Pahang. Abdul Rahman Limbong di Terengganu. Datuk Maharaja Lela. Baik. Datuk Maharaja Lela selepas dipitong bunuh J. W. W. Burch, ke mana dia pergi? Lari. Lari ke seberang. Indonesia. Kemudian Mat Kilau yang ayahnya bangkit. Dia ikut ayah dia. Tok Gajah yang bangkit. Kemudian dia ikut ayah dia. Lepastu kemana? Mat Siam, Mat Kelantan, macam-macam mat (ketawa) macam-macam mat terpaksa kena menyamar. *Undercover* [menyamar] semua. Takut. Terpaksa berlindung. Dari Pahang berlindung rumah Tok Janggut. Dia kawan Tok Janggut. Berlindung rumah Tok Janggut. Dia berlindung. Jadi Mat Kelantan. Pergi Thailand jadi Mat Siam. Betul. Lepastu meninggal tahun enam puluh sembilan. Sembilan belas enam puluh sembilan di Pulau Tawa eh tujuh puluh. Tujuh puluhan saya lupa. Mat Kilau. Bukan nak kondem. Betul. Dia boleh bangkit satu --umm-- idealism supaya menentang Inggeris. Tapi tidak ke mana. Kemudian yang terhebat Paduka Mat Salleh. Paduka Mat Salleh di Sabah. Paduka Mat Salleh menentang Inggeris



hingga titisan darah terakhir. Mati. Mati di medan perang. Itu yang lebih bermaruah. Betul tidak? --Umm-- Cerita tu saya lupalah cerita satu pejuang Islam lah. Bila berlaku masa peperangan dia makan. Tengah makan. Dia tengah makan dia tengok kawan dia gugur. Dia makan dia buang makanan. Dia kata kawan dia sudah ke syurga dia belum. Dia belum lagi. Buang makanan angkat pedang pergi lawan. Sehingga dia pun gugur. Dia bawa bawa bendera dia kena tangan kiri pegang tangan kanan. Kena lagi tangan kanan pegang dengan mulut gigit bendera. Sehingga semua sekali dipotong. Ke syurga juga. Maknanya yang mati di medan perang tu janji dia syurga. Ya tidak. Janji dia ke syurga. Menentang Inggeris ini yang dilakukan oleh Paduka Mat Salleh. Paduka Mat Salleh di Sabah. Paduka Mat Salleh ni kebetulannya entah macam mana isteri dia tidak boleh pijak bumi. Itu sejarah peliklah. Kalau baca sejarah Sabah pun pelik juga. Isteri dia tidak boleh pijak bumi. Di masa peperangan tu dia kena dukung isteri dia. Berperang. Berperang dengan Inggeris yang lengkap bersenjata. Memang susahlah untuk kita menang. Tapi menang juga. Yang menang seketika. Lengkap dia lengkap bersenjata kita pun dah lengkap juga. Kita dah ada senjata api jangan ingat kita pakai keris. Kita takbir keris tinggal. Tiada. Tidak sampai ke mana lah. Sejengkal takbir Allahuakbar. Allahuakbar pom. (ketawa). Dah sebatu dah kena dah. Mana ada gitu ya tidak. Maknanya kita dah ada senjata api. Kita canggih dah ketika itu. Kalau kita tengok baca sejarah Aceh lah. Aceh. Aceh ni memang hebat dengan senjata api dia. Sebab Belanda tidak boleh masuk. Sampai sekarang dia tidak pernah dijajah. Dulu Aceh nak lawan senjata api tidak boleh dengan dia. Memang dia hebat juga. Belanda tidak pergi ke sana. Tidak pergi. Itu Islam dia lebih kuat. Lebih hebat daripada kita. Dia betul dia

berada dibawah Indonesia. Tapi bukan dia lain. Dia gabungan GAM (Gabungan Aceh Merdeka). Tapi oleh kerana dia berada juga di bawah perintah walaupun tidak diisytihar sebagai negara Islam. Tetapi lapan puluh sembilan peratus Indonesia adalah Islam. Kalau lapan puluh sembilan peratus dengan satu billion rakyat, ramai. Islam ramai(ketawa). Ya tidak. Kalau buat macam China lah. China pun sikit. Sikit pun tidak mengapa lah. Berapa peratus Islam. Yang kalau nak banding dengan semua rakyat Malaysia ramai dia lah. Kita tiga puluh juta. Tiga puluh juta orang. Dia dekat ratus juta Islam. Sebab dia Muhammad Al-Qasim yang bawa awal lagi. Dulu daripada kita. Dia dulu. Itulah jadi bila dah gugur. Gugur Tok Janggut. Tidak mengapalah. Sampai situ jelah perjuangan. Kemudian keluarga semua terpaksa bertempiran larilah. Ada yang guna jalan lautlah. Jalan darat memang tiadalah. Kita akses ke ke keluar daripada Kelantan memang susah. Ketika itu dah ada dah tapi cuma tidak tidak begitu baiklah. Kalau nak pergi ke nak pergi Kota Bharu [kelantan] pun jalan kaki je. Jalan kaki je Pasir Puteh, Kota Bharu [kelantan]. Jauh. Dalam berhari-hari juga baru sampai. Kalau nak pergi keluar lagilah jauh. Jadi ada yang lari ikut jalan lautlah. Sebabnya kita nak jalan laut. Kemudian keluarga Tok Janggut, anak-beranak dia, adik-beradik, anak saudara semualah memasuki enam buah kuala. Enam buah kuala. Satu Kuala Terengganu apa semua sekalilah. Dia masuk dalam bina penempatan dekat sana. Sehingga ke Mersing. Mersing yang terakhir di Mersing. Ada. Itu pun diketahui selepas merdeka. Selepas kita merdeka kemudian dia orang balik Pasir Puteh dan akses okay dah dan boleh naik bas apa semua. Balik Pasir Puteh dan mencari keluarga. Yang balik pun tua sangat dah. Itu cerita daripada orang tualah. Kalau dapat balik pun tua sangat. Tapi ada yang masih mengenalilah.

Dulu orang-orang dulu tahun-tahun enam puluhan, lima puluhan dulu yang umur seratus tahun itu biasa. Seratus tahun biasa. Kita tujuh puluh tidak sampai dah. Tidak sampai dah tujuh puluh. Dia seratus tahun biasalah. Baliklah tua sangat. Tua pun okaylah boleh tahun tujuh puluhan dapat balik jumpa dengan keluarga sinilah. Itu okaylah. Tapi yang mendakwa Tok Janggut tidak mati, Tok Janggut hanya cedera dan dibawa lari oleh seorang lelaki bernama Mat Kelubi ke Gua Musang [kelantan]. Kemudian apabila sembuh daripada luka daripada cedera balik ke Kota Bharu [kelantan] dan menukar identiti daripada berjanggut tukar identiti, kemudian kahwin dengan orang Kota Bharu dapat anak, Kita dengar. Betul ke ni? Dapat anak okaylah. Katakan kalau dapat anak, tetapi dalam satu wacana saya dua orang ahli panel, dia pun ahli panel yang cakap ni. Saya pun panel lah. Saya cakap okaylah kalau dah balik, kalau dah Tok Janggut dah dapat anak semua okaylah alhamdulillah. Tok Janggut didakwa mati pada tahun sembilan belas enam puluh sembilan. Dalam usia seratus tahun lebihlah. Sebab tahun sembilan belas lima belas dia dah berusia enam puluh lima tahun. Kalau enam puluh sembilan, seratus lebihlah. Dia cakap gitu. Saya cakap okaylah. Baguslah. Saya boleh terimalah semua dakwaan itu cuma saya nak tanya. Mana kalau ada bukti *visual* [gambaran] ke okaylah. Bukti *visual* [gambaran] dah tiada dah. Dan satu lagi saya cakap *sorry to say* [maaf saya cakap], minta maaf banyak-banyak. Saya nak cakap, keluarga Tok Janggut, anak cucu Tok Janggut yang di Kota Bharu [kelantan] sikit pun tidak mewarisi darah perjuangan. Walaupun dia memang anak Tok Janggut. Sebab penakut. *Bacol*. Saya cakap semua orang berdiri. Bila saya kata *bacol* orang tercengang. Dan tepuk tangan ya. *Bacol* sebab kenapa kalau Tok Janggut dah mati tahun sembilan belas enam puluh sembilan kenapa anak

Tok Janggut tidak boleh pergi ke Pasir Puteh [kelantan] dan cari keluarga. Carilah keluarga Tok Janggut di Pasir Puteh[kelantan] pasal sampai. Ternganga dia tidak boleh jawab. Kalau betul-betul betul-betul mewarisi darah perjuangan orang berani kenapa tidak boleh tidak pergi Pasir Puteh [kelantan]. Akses pun sudah baik. Tahun sembilan enam puluh sembilan ada dah ada bas, ada semua datang Pasir Puteh [kelantan]. Tanyalah mana keluarga Tok Janggut. Tu saya cakap kenapa tidak boleh. Dan pada sembilan belas enam puluh sembilan, tapak kaki Inggeris pun dah tiada dah di Malaysia. Mana penjajah semua dah balik ke negara dia nak ambil bekas pun kita dah tidak jumpa dah. Kalau ada pun Wakaf Tuan Farrer. Di Pasir Puteh [kelantan] kalau ada pun Wakaf Tuan Farrer tu saja. Itupun dah kena langgar dengan kereta dulu. Roboh dibuat lain dah. Dah tiada dah. Saya cakap gitu je. Semua orang bangun berdiri tepuk tangan. Betullah. Ya tidak. Hairan dia. Betul kata. Baguslah kata kalau awak adalah keluarga dia. Tapi kenapa tidak pergi cari. Ini harini baru saya tahu. Saya ada keluarga dekat Kota Bharu [kelantan]. Dia pun awak siapa? Dia tanya awak siapa. Saya cicit saudara dia Tok Janggut. Dia tidak tahu. Tidak tahu. Yang satu Ismail pergi Bukit Cengkeh. Satu Abdullah. Abdullah tu atuk sayalah. Abdullah tu atuk saya. Itulah kata cakap pasal keluarga tidak payahlah dengan saya. Saya tahulah. Sebab daripada kecil-kecil atuk saya dah cakap awak ni keturunan Tok Janggut. Tok ayah dah tok ayah lah yang membawa lari tu masa Inggeris, Inggeris cari. Cari tidak jumpa lah. Masa tu tok ayah kecil lagi. Anak saudara dia lah. Si Ismail itu dah, dia dua orang ni dah masuk satu rancangan yang dibuat oleh RTM. Rancangan ni warisan. Dua-dua orang masuk dah tahun tahu lapan puluhan. Sembilan belas lapan puluhan. Dua orang ni dah masuk dalam rancangan. RTM dah dapat kesan keluarga

Tok Janggut. Ini yang menyedihkan. Kalau enam puluh sembilan, mesti dah besar dah keluarga. Isteri Tok Janggut. Lagipun isteri Tok Janggut itu takkan lah tidak boleh nak berfikir tolonglah pergi cari keluarga. Ya tidak. Itu sebenarnya. Lagi pula Tok Janggut yang ada satu penyakit yang orang Kelantan panggil burut, susah saya nak sebut apa makna burut. Burut ni bukan angin pasang ya. Angin pasang-pasang. Tapi testis dia boleh membesar. Bengkak. Yang tidak memungkinkan dia mempunyai zuriat. Walaupun dia masih okay. Dia okay. Tapi dia tidak boleh tidak boleh ada zuriat. Dia tiada benih. Macam mana nak ada zuriat. Itu di Pasir Puteh [kelantan] dia tiada anak. Isteri dia ada soalan tu tolong nak jawabkan. Isteri dia nama Siti Hajar. Siti Hajar. Siti Hajar ni tidak pernah beranak. Tidak pernah walaupun dia walaupun dia isteri Tok Janggut. Tapi tidak pernah beranak. Tidak pernah beranak sebab Tok Janggut yang mandul. Bukan dia. Dia okay. Tok Janggut mandul. Tok Janggut yang tiada memang tidak boleh lah. Tidak boleh ada zuriat. Tapi entah macam mana pula dia cedera, luka dalam peperangan. Kemudian dibawa lari ke dibawa lari ke Gua Musang [kelantan] dan sembuh daripada luka. Bukan sembuh daripada penyakit burut tu. Sembuh daripada luka dan kahwin. Kahwin dengan orang Kota Bharu [kelantan]. Macam mana penyakit yang asal tu memang penyakit tu tidak sembuh. Penyakit tu tidak sembuh. Lagipun, tapi okaylah lelaki orang lelaki kan umur tujuh puluh masih okay lagi. Ada benih lagi. Tidak kisah orang lelaki mati baru habis. Selagi tidak mati tidak habis. Jadi mungkin boleh kalau Tok Janggut tu bukan berpenyakit itu. Kalau testis dia tidak tidak membengkak. Ini Tok Janggut ada penyakit. Macam mana dia nak dapat anak. Tapi saya tidak menolak lah. Tidak menolak dakwaan dia sebagai cucu Tok Janggut. Saya tidak menolak.

Okaylah ustaz. Dia nak jual pun dia ada buku. Dia ada tulis buku. Tapi semua orang tau bila keluar orang beli juga buku dia tu. Nak baca nak baca nanti cakap ini penipu ni. Ini orang ni jual buku. Tidak kisahlah. Saya pun tidak kisah. Okaylah. Tapi kalau bolehlah kalau boleh dah, dah tahu dah kita ni keluarga tolonglah. Ramai lagi orang tua-tua masih ada lagi. Pada waktu itu dah tahun dua ribu empat belas saya dua ribu empat belas. Wacana. Dua ribu empat belas. Jadi, saya cakap dah sembilan puluh sembilan tahun. Siapa hairanlah dah sembilan puluh sembilan tahun peristiwa ini berlaku. Peristiwa itu berlaku tapi tiba-tiba watak Mat Kelubi itu dimunculkan. Watak Mat Kelubi dimunculkan setelah sembilan puluh sembilan tahun. Orang Pasir Puteh [kelantan] tidak kenal pun Mat Kelubi. Siapa Mat Kelubi ni. Tidak pernah dengar pun nama Mat Kelubi. Tiba-tiba muncul watak itu. Tapi okaylah saya tidak kisah lah muncul lah nak muncul pun. Tapi tolonglah kalau betul dia keluarga Tok Janggut dan Tok Janggut pun dah meninggal dah. Datanglah Pasir Puteh [kelantan]. Carilah keluarga apa salahnya. Apa susah. Takkanlah Tok Janggut tidak pernah cerita. Kau pergi Pasir Puteh kau cari orang ni orang ni orang ni. Takkan Tok Janggut tidak pernah cerita benda itu. Hairan kita macam mana pulak. Tolonglah cari. Itu ceritanya. Tapi okaylah saya boleh terima. Datanglah. Datanglah kita boleh bersambung silaturrahim. Darah yang sama. Ya tidak apa salahnya. Okaylah.

**MNR: Mengapakah beliau dipanggil Tok Janggut?**

ER: Tok Janggut sebab janggut lah. Sebab janggut dia panjang. Dan pula gelaran orang Kelantan, Tok. Tok Selehu. Tok Kenali. Kenapa Tok? Tok ni seorang alim. Seorang ulama'. Tok Selehu seorang guru di sebuah pondok. Kawasan pondok dia panggil tok. Tok Selehu. Apa ni Tok Kenali. Dia ada pondok. Tok Kenali pun ada pondok di Kubang Kerian. Tok ni orang alim. Orang alim orang yang dihormati. Tok penghulu, tok apa tok imam. Yang selalu kalau belah luar dia tok penghulu ni panggil tok ketua. Tok imam panggil pak imam. Itulah pak imam. Kita tok. Tok ni kita hormat. Tok. Yang ringkasnya pada datuk lah. Datuk. Tok Janggut. Tok Kenali. Tok Selehu. Tok ramai lagi tok. Dan kalau tanya orang-orang alim di Kelantan, alim ulama' dipanggil tok. Tok. Gitu.

**MNR: Dimanakah tempat tinggal asal Tok Janggut?**

ER: Tok Janggut Batu Hitam. Kampung Batu Hitam [kelantan]. Kampung Batu Hitam dengan Dalam Pupuh dalam dengan Kampung Tok Akik [kelantan]. Tok Akik tu dia sempadan Bendang. Jalan ke sana jalan bendang. Dia ada bendang. Di sungai. Bendang. Sungai. Sungai pun sungai yang sungai tu sempit sangatlah. Sungai tu sempit jalan kaki je. Tidak payah perahu. Jalan kaki je. Sungai inilah. Orang Pasir Puteh minum air dari sungai itulah sekarang. Air paip. Air paip dari sungai itulah. Dia ada empangan dekat dekat Wakaf Bulut.

**MNR: Dimanakah Tok Janggut dikuburkan?**

ER: Dikebumikan. Pasir Pekan. Pasir Pekan. Dibawa seberang daripada tambatan diraja dekat dengan, tambatan diraja tahu? Tahu ya tidak tahu. Bank Kerapu? Tidak tahu juga. Padang Bank pun tidak tahulah. Di Kota Bharu lah. Kota Bharu seberang sini, tambatan diraja seberang sini, Pasir Pekan. Bila bila Tok Kenali pergi istana sembah cakap tidak boleh buat macam itu pada mayat orang Islam, kemudian mayat itu dibawa ke seberang. Dengan perahu dan di tanam. Dikebumikan disini lah. Pasir Pekan. Yang dikatakan Tok Janggut mati tahun sembilan belas enam puluh sembilan itu di Hutan Kelubi di Machang. Saya pun tidak tahu dekat mana. Dan tidak pernah pergi. Itu kubur kedua dia.(ketawa) Wallahualam. Saya pun tidak berani nak kata yang sana itu betul yang Hutan Kelubi tu salah. Dan saya tidak kata. Saya terima semua versi. Semua versi saya terima.

**MNR: Di kubur Tok Janggut ni tiada, dia macam tiada batu nisan ke?**

ER: Ada. Ada. Dan Jabatan Warisan dah buat semua. Kalau pergi sana senanglah. Dari Kota Bharu, naik jambatan Sultan Yahya. Jambatan itu ada dua, silap-silap pergi ke *Tesco*. Sana. Jangan pergi ke *Aeon Aeon Mall* tu. *Aeon Mall* tu yang besar tu. Pergi ke sana seberang. Sana dia tulis ada *signboard* turun bawah, seberang jalan di ada terowong kat bawah. Terowong jalan pergi ke kampung. Ada kubur Tok Janggut. Senang. Tidak *google* jelah. *Google*. *Waze* pun boleh.



**MFJ: Adakah terdapat sebuah kelab yang ditubuhkan bagi mengumpulkan pewaris Tok Janggut?**

**ER:** Tidak. Kita pernah buat tapi tidak berjaya lah. Sekarang kalau nak buat pun semua orang akan berpaling. Awak tukang buat. Maknanya saya lah yang kena buat. Tapi rasa tidak sempat sangat. Boleh bukan tidak boleh. Ada yang boleh mengaku lah. Kita *offer* [menawarkan] siapa yang nak mengaku sebagai waris Tok Janggut. Marilah. Datanglah. Saya dah offer. Pergi ke facebook, ke whatsapp. Kita ada group cucu cicit Tok Janggut. Kita dah ada. *Group whatsapp* [wassap kumpulan] lah. Tapi ini *group* [kumpulan] ini sepupu yang buat. Yang masa itu dia ada duduk dekat Sabah. Tulah cucu cicit Tok Janggut. Kalau nak kumpul yang itu pun tidak sempatlah. Itu pun dah ramai sangat dah. Kalau kita *offer* [menawarkan] maknanya ramai lagilah boleh buat. Kita pernah buat kenduri untuk kenduri arwah Tok Janggut. Kita buat di Jeram. Ramai juga yang datang. Potong lembu dua ekor tidak cukup. Tidak cukup. Ramai yang datang. Datang tu bila datang kita kenal. Semua kenal. Ini kenal semua ini. Yang tidak kenal yang dulu dekat Mersing yang di Kemasek di Terengganu lah. Kemasek ada. Kemasek ada. Mersing ada. Semua kuala lah. Kuala yang besar-besar itu semua masuklah. Dengan perahu ya. Jumpa kuala masuk jumpa kuala masuk. Maknanya kalau kita panggil semua sekali tu balik memang tidak muatlah. Tidak muatlah. Kita kena buat dekat padanglah.

**MFJ: Apakah bahan yang telah dikumpul oleh Encik RAMLI mengenai Tok Janggut?**

ER: Nak tengok ke? Asal tidak cakap. Cakap boleh bawa. Inilah kita bagi keris ya. Ini yang di muzium kita dah ambil balik dah. Dulu kita pameran dekat muzium. Nantilah nanti kita cari. Saya pun tidak pasti dekat mana. Kita ambil di muzium. Keris ni saya ambil di Kemasek. Dia ada satu lagi keris yang tidak boleh yang dah hilang. Ini keris baru ya. Bukan maksudnya semua benda tu baru. Kecuali mata. Mata dan --umm-- entah apalah pemegang dia. Sarung dan hulu ni yang baru. Ini yang ni lama. Ini asal. Keris Tok Janggut semua tiada lut. Tiada lut. Dulu keris ni dipanggil mata daun buluh. *Straight ya straight* [lurus ya lurus]. Ini ambil dari muzium bawa balik cadang nak pergi hantar lah. Pergi hantar ke Kemasek. Tapi tidak sempat lagi. Saya sibuk sangat. Tuan tuan punya ni tanya hari-hari lah tanya. Saya pergi ambil je. Ini yang keris pengiring. Bukan bukan keris Tok Janggut. Tapi keris pengiring. Dia ada lut. Ini lut jawa ni. Lut jawa. Semua tidak kenal. Ini panasaras. Disebut panasaras ya. Saya pun tidak tahulah apa sebab panasaras. Panasaras. Ini anak alam. Keris anak alam. Anak alam ya. Kalau nak nanti saya whatsapp gambar.

**MNR: Selain daripada keris encik ada apa lagi yang berkaitan Tok Janggut?**

ER: Tiadalah. Semua bahan kalau boleh Inggeris semua nak hancurkan semua yang ingatan. Rumah Inggeris dah bakar. Dan kita tidak tahu mana tapak rumah dia.

Semua tidak berani tunjuk. Tunjuk. Siapa yang tunjuk ini tapak rumah Tok Janggut tunjuk masa itulah belum merdeka. Tunjuk tangkap. Macam itulah tangkap. Ini keluarga Tok Janggut, ini anak saudara dia contoh, tangkap. Inggeris memang pendendam. Sama dengan Perancis. Sama. Memang dia pendendam lah. Pendendam. Macam mana kan.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3 : HARAPAN / PENDAPAT / IMPIAN.**

**MFJ: Pada masa sekarang ini, Encik RAMLI ada membuat kajian lagi tak untuk mencungkil lagi sejarah?**

**ER:** -- ermm -- saya lebih suka versi yang dibawak oleh PROFESSOR DR. NIK ANUAR adalah apa yang dibawak itu adalah lenkapnya, itulah yang lengkap. Itu kalau nak disebut satu satu susah jugak itu yang yang orang tua orang tua datuk nenek. datuk saya dia org pertama yang melawat kubur Tok Janggut di PASER PEKAN [kelantan]. yang pergi dia arwah, arwah nenek saya isteri dia kemudian adik perempuan dia seorang. Datuk sedara. Nak pergi. Dulu tak ada jambatan dari kota bahru ke Pasir pekan tak ada. Kemudian tambang ke Pasir pekan, sampai sana orang pasir pekan cakap berani laa datang orang lain semua tak pergi ke kubur nya datuk saya cakap kalau saya tak datang sini siapa lagi yang nak datang. ye tak? sebab saya laa cucu dia, anak anak sedara dia. Untung kalau ada ke orang nak tangkap, tangkap lah sebab saya tak kesah. Hentam lah sampai kesana. Haa datuk saya, datuk saya dengan tiga orang dua orang itulah dengan dengan haaa Tok sedar nenek sedara.

**MNR: Sekiranya Encik diberi peluang untuk menerbitkan sebuah buku mengenai Tok Janggut adakah Encik akan mengambil peluang itu?**

**ER:** --hmmm-- ada yang yang menyarankan begitu tetapi saya rasa buat masa sekatrang buat masa ini untuk menulis belum ada lagi pulak saya ni pemalas sedikit. Betul,

pemalas nak nak nak pegang pen nak taip nak kira laptop panjang cerita malas lah. Surat pon malas nak buat. Surat tak boleh, malas. Sehelai surat taip jek malas. Lagi pulak saya ni ada satu tabiat yang pelik lah. Sejak dulu saya tak suka draft tahu, pegang draft dulu baru taip tak ada, pergi komputer taip. Dulu pakai mesin taip, pergi kat mesin taip taip semua sekali lah. Saya tak adalah. Malas nak draft, draft apa pulak draft. Tak adalah. Buat *direct* [terus].

**MNR: Apakah yang dilakukan oleh Encik RAMLI bagi kanak kanak zaman sekarang untuk memperingati Tok Janggut?**

ER: itu jelah jati diri lah kene ingat bahawa kita ni –hurmm-- apa yang ada hari ini apa adalah daripada darah. Betul tak? Sembilan belas lima belas [1915] inggeris dah tahu bahawa Kelantan tidak boleh diperkotak katikkan ada yang nak menentang pada ketika itu walaupun Tok Janggut kalah dalam peperangan kalah dalam peperangan tapi dia tidak pernah kalah dalam hati. –Haa-- orang melayu kene ingat, semua sekali la orang melayu menganggap dia ada yang menganggap dia penderhaka penderhaka bila inggeris mengatakan yang dia menderhaka kerana yang mengeluarkan surat penangkapan Tok Janggut adlah istana, istana kelantan yang bawak mengeluarkan perintah sebenarnya perintah itu dikeluarkan oleh istana atas desakan inggeris. Inggeris, Tuanku kita buat surat buat la surat senang bila kuasa raja bila tengok ini surat daripada raja, surat daripada raja maknanya semua orang kena akur. Jadi kalau orang inggeris berkata Tok Janggut penderhaka maka seolah olah suara itu suara adalah dari istana sultan yang kata Tok Janggut penderhaka. Jadi orang melayu

menganggap Tok Janggut sebagai penderhaka tapi hakikatnya sultan itu ditekan dipaksa itu sebenarnya ini yang berlaku di seluruh malaysia yang ada sultan semua sekali laa dia melantik residen.

**MFJ: Apakah harapan Encik RAMLI terhadap rakyat Negeri Kelantan mengenai cerita Tok Janggut?**

ER: patutnya sementara lah orang Kelantan patut tahu lah cerita ini sebenarnya, cerita yang sebenarnya patut tahu dan ada yang nak cuba untuk mambantu ambil tangan lah haa kes ini buat suatu. Kalau kita tengok hebatnya DATUK MAHARAJA LELA, hebatnya SI PITUNG sehingga ada nya kompleks sejarah (Pasar sarat).

**MNR: Apakah program terbaru yang dilakukan oleh Encik tentang kisah Tok Janggut?**

ER: saaa dahh pentaskan pentomen (hiskk). Yang terbaru akan ea dua puluh lima (hiskk) mei rasanya..dua puluh lima mei di kemahang kemahang [Kelantan]. Hmm nanti sekejap rasa dua puluh lima lah. Ermmm... () dua puluh sembilan mei dua ribu enam belas [2016] di kemahang ya, FELDA KEMAHANG. Barulah dua puluh sembilan mei ea, jemputan dan mengadakan persembahan pentomen Tok Janggut haa. Hmm *kelantan bike week* [minggu motor Kelantan] (*kelantan bike week* ). Dua ribu enam belas [2016] kemahang [Kelantan] *kelantan bike week* [minggu motor Kelantan]. Hmm begitulah, kita cuba cuba memperjelaskan urghh sejarah kepada semua orang

lah mengenai ahh. Hmm pentas kalau nak bagi buku suruh baca mungkin tak ramai yang nak baca. Kita bukan budaya membaca, kita pentaskan, pentaskan lama dah kita pikir Tok Janggut menentang inggeris kerana cukai. Haa sebenarnya bukan, bukan cukai. Namun menentang inggeris kerana fatwa.

**MNR: Sepanjang program ini berlansung adakah program tersebut mendapat sambutan?**

ER: --hmm-- sambutan memang haa mengalakkan, sekarang kami walaupun saya buat pentomen itu di MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH [kelantan] menggunakan semua pembawa watak di paser Puteh orang MAJLIS DAERAH PASER PUTEH [kelantan] tapi kami dibiayai oleh muzium. PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN yang biayaya. Maksudnya kalau kita buat persembahan muzium yang akan *support* [menyokong] ahh bagi sponsor lah makan minum, saguhati sedikit. Haa saguhati dalam seribu setengah [1500] lah, seribu lima ratus [1500] setiap persembahan sikit tak kesah haa bukan nak duit, bukan kita nak duit. Tapi di di cadangkan pentomen itu dibawak ke ISTANA NEGARA, ISTANA BUDAYA dicadangkan. Hurmm kalau nak kesana kena mendapatkan sponsor yang lagi tinggilah lepastu kena bertiket dan yang dilihat oleh pihak penggiat teater dan jabatan kebudayaan, perbadanan muzium, majlis daerah sendiri semua kerajaan negeri melihat wajah dibawak ke istana budaya. Saya pon tidak tahu cuma ambil versi daripada PROFESOR DR. NIK ANUAR kemudian kita daripada buku itu kita terapkan ke pentas. Saya pon tak tahu macam mana penerimaan orang bila saya buat.

Rupa-rupanyer okay lah kalau macam ni okay lah makneyer berjaya jugaklah, berjaya lah saya nak menerangkan kisah ini kepada orang ramai melalui medium media. Kalau bagi buku tak baca. Saya yakin tak baca. Saya membaca, alhamdulillah. Bukti kebetulanya kalau kita tengok saya minat membaca. Saya boleh membaca buku kalau dalam lima ratus muka surat saya boleh membaca. Saya bukak, baca, tutup, habis. Tutup dengan habis, saya boleh baca. Baca buku, benti solat sekejap, baca lagi sampai habis, haa saya boleh membaca. Satu malam saya boleh baca novel, biasa saja saya baca. Saya boleh baca. Itulah saya kata tak ramai lah orang yang suka membaca. Mintak buku LA TAHZAN yang tebal sedikit, dah abis dah? Belum. Dah sebulan dah, saya ingat nak bawak balik buku itu. Buku apa ni yang di set itulah. Buku itu pon agak agak popular, ada yang pinjam. Pinjam bagi, dah abis? Belum. Cik, sebulan dah, sebulan tak habis, apa sebulan tak habis, bukan tebal pon. Aduh teruk lah. Makneyer itu lah yang nak membaca tapi tak ada budaya. Tak ada, tidak mengamalkan suka membaca. Jumpa buku saya baca. Saya baca akhbar, orang cakap engko ni baca akhbar, baca surat khabar tu sampai ke urgh dulu berita harian pencetakan dia. Itu pon saya baca, kalau orang tanya hei cetak kat mana. Owhhh diorang ckap engko membaca betul betul membaca. Bacalah, kan surat khabar itu kita beli nak baca kita bacalah semua sekali saya baca, iklan pon baca. Iklan sekali baca. Bahasa kalau dulu nak tipu tak boleh lah. Tak boleh nak tipu, jangan tipu saya. Bahasa, bahasa saya tahu. Bahasa surat khabar, bahasa buku semua saya tahu agak tahulah agak paham. Tapi bahasa melayu saja lahh. Inggeris tidak tahu juga. – Hurmm-



**MNR: Sepanjang program yang Encik anjurkan, pernahkah Encik bertemu dengan waris-waris Tok Janggut yang lain?**

ER: -ermm- setakat ini tak ada lah yang, mungkin ada tapi mungkin macam saya jugak tak berani nak mengaku yaa, tak berani nak mengaku mewarisi Tok Janggut tak tak berani. Orang lain mungkin pergi tengok jek lah, tidak berani. Kalau berani pun, kalau nak bawak versi lain tunggu laa dia, sakit la dia. Kalau bawak versi lain haa duduk sini. Haa duduk sini kita wacana sedikit, kita bincang.

**MNR: Bilakah Encik selalunya berjumpa dengan waris-waris yang lain? Adakah pada sesuatu program?**

ER: tak ada lah. Kita tak buat pelik pelik kita Cuma buat kenduri arwah, ada kematian itu selalulah. Selalu kita kumpul. Kumpul tu macam tak formal lah.

**MFJ: Adakah Encik RAMLI sendiri mengamalkan ilmu seni mempertahankan diri seperti arwah Tok Janggut?**

ER: *Nope nope* [tidak tidak]! Sikit pon tak ada. Ada lah, bohong laa kalau tak ada kan. Ada lah sikit sikit boleh lah dulu dulu pernah belajar belajar silat. Saya silat sikit lah, belajar silat kemudian belajar bertumbuk tu, *boxing* [bertinju] lah, belajar muay thai. Belajar muay thai dulu laa kan masa kanak kanak. Sekarang ni orang cakap nak bertumbuk pon dah tak boleh dah, tak ingat. Tak ingat semua tak ingat. Silap

tongkang tongkat pon boleh dan sempat belajar lah. Belajar tapi tak tak, lupa lah dulu zaman kecik kecik, haa budak budak kan.

**MNR: Adakah Encik RAMLI ada mengamalkan apa yang Arwah Tok Janggut amalkan?**

ER: tak ada. Amalkan apa? Tak ada amalan. Tok Janggut tak sempat tinggalkan apa apa ilmu yang, ilmu agama, ilmu apa apa kepada warisnya. Tak sempat. Kalau ada pon mungkin untuk adik adik dia ke yang dapat lah. Sebab masa dulu datuk saya masih kecil sangat lagi. Datuk saya dengan WAN ISMAIL pon kecik kecik lagi dalam tak pandai pakai kain lahh, nak nak hias kain nak pakai seluar tak ada seluar. Nak pakai kain pon tak boleh, tak pandai lagi, kecik sangat. Jadi, apa pon tak ada lah, dia tak tak pernah memperturunkan. Yang yang ada cuma waris lain yang bawak silat Tok Janggut. Silat Tok Janggut yang orang lain semua belajar tapi ramai yang belajar tapi saya tak tak belajar. Sepupu saya ada yang belajar tapi saya tak tak sempat, bila dah bila dah tua. Dah tua ni lah dah besar sangat saya saya tak belajar. Masa kecik kecik dulu belajar jugak. Belajar tpi tak tak belum berjumpa lagi masa tu. Bila dah besar baru orang bawak silat Tok Janggut. Tpi saya tak tak sempat belajar.

**MFJ: Mengapakah Encik RAMLI mengatakan bahawa Encik tidak layak dipanggil keturunan Tok Janggut?**

ER: -hurmm- tadi saya dah cakap. Siapa saya nak nak mengaku sebagai keturunan Tok Janggut. Ilmu pendekar kependekaran pon tak ada, ilmu agama pon jauh sekali. Siapa saya, nak nak mengaku sebagai waris Tok Janggut. Waris Tok Janggut seharusnya hebat. Kalau tak boleh sama dengan Tok Janggut pon setidak tidaknya pakar ustaz pon boleh lah. Saya ni ustaz pon tidak. Al quran pon setakat abis baca macam itu. Nak ajar orang tak boleh. Itu pon nasib baik nenek yang Tokang ajar, kalau nenek tak ajar tak habis jugak. Mengaji lain tak boleh lah. Nenek, *engko* [kau] nak pergi mana itu? Nak keluar main bola. Eh, mengaji ke belum? Belum, duduk dulu. Duduk lah. Itu pon ngaji, kalau tak habis lah.

**MNR: Adakah Encik pernah cuba untuk mencari waris-waris yang lain?**

ER: Tak jugak. Bila saya Cuma Cuma lan lah, lan FACEBOOK. Lan-lan media, media baru lah. Kalau ada waris Tok Janggut tolong hubungi saya lah. Letak no telefon adalah yang tahu yang masih.

**MFJ: Sebelum kita akhiri sesi temuramah ini, ada apa-apa yang Encik nak tambah? Macam harapan ke? Pesanan kepada anak-anak muda.**

ER: rasanya semua sekali lah saya dah dah rangkum daripada percakapan saya dah rangkum semuanya sebanyak cerita yang paling perlu kita kenali. Itu paling perlu, saya dah cakap. Nak belajar *taekwondo* [seni mempertahankan diri] tak salah, tapi mengapa kita tinggalkan SILAT MELAYU kita. Kalau kita belajar KUNG FU sekali

pon, kita belajar WUSHU sekali pon kita bukan ORANG CINA. Betul tak ? kita belajar apa ni silat brazil, kita bukan orang brazil. Kita tetap orang melayu. Jati diri itu kena ada, belajar *taekwondo* [seni mempertahankan diri] tak salah tpi jangan lupa kita ada silat melayu. Silat melayu ada falsafahnya sendiri, ada pegangannya sendiri. Kenapa kita perlu letakkan silat dalam diri kita. Kalau kita boleh membina diri kita sendiri cubalah, kalau belum sempat carilah guru belajar dulu sekali dan ketahuilah apa yang Tok guru kita bercakap. Banyak kisah dalam, banyak falsafahnya yang boleh kita pegang disana, itu jati diri.

**MFJ: Okay itu sahaja yang dapat, kita dapat berkongsi tentang cerita cerita mengenai Tok Janggut. Saya muhammad faeizwan bin jaafar dan rakan saya mohd rashid ingin mengucapkan bebanyak terima kasih kepada Encik RAMLI kerana sudi untuk bercerita tentang Tok Janggut ini. Ialah mungkin kat luar sana ada yang tahu dan ada yang tidak tahu tentang Tok Janggut ini, kita sebagai anak muda perlulah mengingati bahawa negara kita sendiri mengenai Tokoh Tokoh dan mempunyai lagenda kita sendiri. Sekian terima kasih.**

**TAMAT BAHAGIAN 3**

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN

### LOG WAWANCARA

Assalamualaikum, pada hari ini bersamaan dengan sepuluh haribulan Mei dua ribu enam belas, hari selasa, saya Muhammad Faeizwan Bin Jaafar bersama kawan saya Mohd Rashid Bin Md Sukor akan menemubual Encik Ramli tentang cerita atau kisah-kisah Tok Janggut yang pernah menjadi tokoh bangsa melayu pada suatu ketika dahulu.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
------	--------	---------------------

#### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA

1:18	Latar belakang pencerita	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ramli Bin Muhammad</li><li>2. Pasir Puteh</li><li>3. Maya@Mahara Binti Muhammad</li><li>4. Azhar</li><li>5. Abdul Karim</li><li>6. Kembang Suria</li><li>7. Bahagian Penguatkuasa Majlis Daerah</li><li>8. Sekolah Kebangsaan Changgai</li><li>9. Sekolah Menengah Gaal</li><li>10. Sekolah Menengah</li></ol>
------	--------------------------	---

		Kamil 11. Sekolah Swasta
4:48	Latar belakang ibu dan bapa pencerita	1. Muhammad Bin Abdullah 2. Che Rugayah Binti Abdul Rahman
5:10	Latar belakang isteri pencerita	1. Nuraini Binti Mohd Yusuf 2. Kampung Jelor, Pasir Puteh 3. Sekolah Menengah Tok Janggut 4. Maktab Perguruan Gaya, Sabah
6:30	Latar belakang anak-anak pencerita	1. Muhammad Amir Shahadan 2. Muhammad Izuan Arif 3. Muhammad Azizal Am 4. Nadia Marlina 5. Shahira Amirah 6. Muhammad Amar Haizran
7:25	Tempat belajar anak-anak pencerita	1. UiTM, Shah Alam 2. Akademi Shahzan Muda, Kuantan 3. Universiti Malaysia Sabah
8:42	Hobi pencerita	1. Main muzik

## BAHAGIAN 2: PERJALANAN HIDUP

14:35	Peristiwa-peristiwa melibatkan Tok Janggut	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menentang Inggeris kerana cukai</li><li>2. Belajar di Mekkah</li><li>3. Segenting kera</li><li>4. Narathiwat</li><li>5. Songkla</li><li>6. Pattani</li><li>7. Syeikh Ahmad Fathani minta Tok Janggut balik dari Mekkah</li><li>8. Perang itu berlaku pada seribu sembilan ratus lima belas [1915]</li><li>9. Tok Janggut pun mengambil alih kerusi panglima di Istana Jeram</li><li>10. Tok Janggut mampu menyerang Balai Polis rumah pasung</li><li>11. Engku Besar menjadi raja</li><li>12. Tok Janggut sebagai Perdana Menteri</li><li>13. Berlakulah pertempuran yang besar di Kampung</li></ol>
-------	--	---



		<p>Dalam Pupu</p> <p>14. Tok Janggut tewas</p> <p>15. Inggeris berundur ke Cherang Tuli</p> <p>16. Tok Janggut dibawa ke Kota Bharu dan digantung songsang</p> <p>17. Tok Janggut tidak mati ketika itu</p>
56:20	Mengapa dipanggil Tok Janggut	1. Sebab Janggut panjang
57:45	Tempat tinggal Tok Janggut	1. Kampung Batu Hitam, Kelantan
58:45	Kubur Tok Janggut	<p>1. Pasir Pekan</p> <p>2. Hutan Kelubi Machang</p>
1:01:03	Bahan yang dikumpul	1. Keris

### BAHAGIAN 3: HARAPAN

1:40:20	Harapan pencerita	1. Jati diri kena ada
---------	-------------------	-----------------------

## SENARAI SOALAN

### LATAR BELAKANG.

1. Apa nama sebenar Encik Ramli?
2. Apakah nama panggilan Encik Ramli dikalangan rakan-rakan Encik?
3. Mengapakah Encik Ramli diberikan nama sedemikian?
4. Bilakah tarikh lahir Encik Ramli?
5. Dimanakah tempat kelahiran Encik Ramli?
6. Dimanakah Encik Ramli dibesarkan?
7. Dimanakah tempat yang ditetap oleh Encik Ramli?
8. Encik Ramli menetap dengan siapa?
9. Berapakah bilangan adik-beradik Encik Ramli?
10. Encik Ramli anak yang keberapa?
11. Apakah pekerjaan Encik Ramli sekarang?
12. Dimanakah Encik Ramli belajar dahulu?
13. Siapakah nama bapa Encik Ramli?
14. Siapakah nama ibu Encik Ramli?
15. Adakah Encik Ramli sudah berkahwin?
16. Siapakah nama isteri Encik Ramli?
17. Isteri Encik Ramli berasal daripada mana?
18. Apakah pekerjaan isteri Encik Ramli?
19. Adakah Encik Ramli mempunyai anak?
20. Berapakah bilangan anak Encik Ramli?
21. Adakah Encik Ramli masih mempunyai anak yang masih belajar?
22. Dimanakah anak Encik Ramli belajar?
23. Apakah pekerjaan anak anak Encik Ramli?
24. Adakah Encik Ramli sudah mempunyai anak yang sudah berumah tangga?
25. Adakah Encik sudah mempunyai cucu?
26. Apakah minat Encik Ramli bagi mengisi masa yang terluang?

27. Apakah cita cita sebenar Encik Ramli?
28. Siapakah isteri Tuk Janggut?

#### PERJALANAN HIDUP.

1. Bolehkah encik berkongsi peristiwa-peristiwa yang berlaku terhadap tuk janggut yang tidak diketahui orang ramai? (14.22)
2. Apakah nama sebenar Tuk Janggut?
3. Mengapakah beliau diberi gelaran Tuk Janggut? (56.15)
4. Dari manakah asal Tuk Janggut?
5. Dimanakah tempat tinggal Tuk Janggut?(57.46)
6. Betulkah Tuk Janggut pernah belajar di Mekah?
7. Adakah Tuk Janggut dikurniakan zuriat?
8. Apakah seni pertahanan diri yang diamalkan oleh Tuk Janggut?
9. Pada tahun berapakah Tuk Janggut meninggal? (59.35)
10. Dimanakah Tuk Janggut dikuburkan? (58.47)
11. Adakah kubur tuk janggut tidak mempunyai batu nisan sehingga terdapat pelbagai versi kematiannya yang timbul?(1.00.00)

#### PENGORBANAN.

1. Adakah terdapat sebuah kelab yang ditubuhkan bagi mengumpulkan pewaris tuk janggut? (1.00.57)
2. Apakah bahan yang telah dikumpul encik mengenai tuk janggut? (1.03.04)
3. Selain daripada keris adakah encik menyimpan apa-apa yang berkaitan tuk Janggut? (1.05.22)
4. Apakah peristiwa yang melibatkan tuk janggut yang encik ramli tahu?
5. Apakah perjuangan yang dibawa oleh tuk janggut?
6. Apakah jihad yang telah dibawa oleh tuk janggut?
7. Apakah yang ditentang oleh tuk janggut?

8. Mengapa Tuk Janggut menentang cukai?
9. Bagaimanakah Tuk Janggut dapat mengumpulkan orang diseluruh negeri kelantan untuk menentang British?(1.06.24)
10. Adakah Tuk Janggut mengumpulkan orang dari Kelantan sahaja atau negeri lain juga ada terlibat?
11. Adakah kenderaan yang digunakan oleh mereka untuk ke tempat tersebut?
12. Adakah rombongan- rombongan tersebut yang berkumpul mengalami sbarang halangan semasa hendak ke tempat yang ditetapkan? (1.08.33)
13. Cabaran yang bagaimanakah yang paling susah ditempuhi oleh Tuk janggut sepanjang beliau hidup? (1.08.59)
14. Langkah –langkah yang macam manakah telah diambil tuk janggut bagi memastikan jihad beliau berjaya?
15. Dari daerah manakah datangnya orang-orang Tuk Janggut? (1.09.58)
16. Dimanakah tempat berkumpul atau markas orang-orang Tuk Janggut?
17. Adakah terdapat tempat yang lain selain daripada tempat tersebut?
18. Apakah tempat itu masih wujud sehingga sekarang?
19. Berapakah jumlah pengikut Tuk Janggut? (1.12.07)
20. Siapakah ketua Daerah di Pasir Puteh ketika itu? (1.12.28)
21. Dimanakah peperangan itu berlaku? (1.13.10)
22. Apakah yang dilaungkan Tuk Janggut ketika hendak berperang?
23. Apakah senjata yang digunakan oleh British ketika itu?
24. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit mengenai fatwa tersebut?
25. Betulkah kisah Tuk Janggut ini ada dua versi?
26. Apakah yang terjadi kepada Tuk Janggut dalam versi kedua cerita ini?
27. Apakah pendapat encik mengenai cerita yang mengatakan bahawa tuk janggut masih hidup selepas peperangan itu?
28. Bolehkah encik ramli menceritakan serba sedikit tentang apa yang terjadi terhadap tuk janggut selepas peperangan tersebut?
29. Kemanakah perginya semua orang-orang Tuk Janggut ketika itu?

30. Peralatan yang macam manakah telah digunakan rakyat negeri kelantan bagi menentang musuh?
31. Apakah ada juga cerita mengenai Tuk Janggut di luar negara?
32. Pelbagai spekulasi mengenai kematian Tuk Janggut yang timbul. Apakah pandangan Encik Ramli mengenai situasi ini?
33. Boleh encik ramli kongsi sedikit jasa-jasa yang telah dilakukan oleh Tuk janggut yang ramai tidak tahu?
34. Apakah hubungan Encik Ramli dengan Tuk Janggut?
35. Pernahkah encik di temuramah oleh orang lain mengenai Tuk Janggut sebelum ini?
36. Siapakah tokoh atau panglima yang seangkatan dengan Tuk Janggut pada ketika itu?
37. Bolehkah encik ramli berkongsi serba sedikit tentang perjalanan hidup tuk janggut?
38. Apakah encik ramli berasa terancam dengan membawa status sebagai seorang pewaris tuk janggut?

#### HARAPAN/ PENDAPAT/ IMPIAN

1. Adakah kajian masih dijalankan bagi mencungkil lagi sejarah cerita Tuk Janggut ini? (1.21.45)
2. Jika diberi satu peluang untuk encik menerbitkan sebuah buku mengenai cerita Tuk Janggut, adakah encik akan mengambil peluang itu? (1.23.42)
3. Apakah yang dilakukan encik ramli bagi anak-anak zaman sekarang memperingati tuk janggut? (1.24.35)
4. Apakah harapan encik mengenai keturunan tuk janggut yang diluar sana yang hanya duduk mendiamkan diri sambil menyembunyikan identiti beliau?
5. Apakah harapan encik ramli terhadap rakyat Negeri Kelantan mengenai cerita tuk janggut?
6. Apa program terbaru yang dilakukan oleh encik tentang kisah Tuk Janggut?
7. Dimanakah program itu berlangsung?
8. Bagaimanakah sambutan program itu?

9. Pada masa terdekat ini, apakah ada program yang bakal dilangsungkan mengenai Tuk Janggut?
10. Pernahkah encik bertemu dengan waris Tuk Janggut yang lain?
11. Siapakah waris yang encik jumpa itu?
12. Bilakah encik berjumpa dengan pewaris itu?
13. Apakah program mengenai Tuk Janggut yang telah encik hadiri?
14. Adakah encik Ramli mengamalkan ilmu seni mempertahankan diri seperti arwah Tuk janggut?
15. Adakah Encik Ramli ada mengamalkan apa yang Arwah Tuk janggut amalkan?
16. Mengapakah Encik Ramli mengatakan bahawa encik tidak layak dipanggil keturunan Tuk Janggut?
17. Adakah encik pernah cuba untuk mencari waris-waris yang lain?
18. Didalam banyak-banyak cerita Tuk Janggut yang Encik tahu, yang paling manakah encik berminat? Dan kenapa?
19. Sebelum kita akhiri sesi temuramah ini, ada apa-apa yang encik nak tambah?

## **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. *Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -*  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah

.....  
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.



## GAMBAR

### LAMPIRAN 1



Gambar 1: Pemberian Hadiah

LAMPIRAN 2



Gambar 2 keris Tuk Janggut:

LAMPIRAN 3



Gambar 3 : Encik ramli dijemput untuk ditemuramah sebagai seorah waris tuk janggut

## INDEKS

### A

Al-qasim , 22

Acheh , 21, 22

Abdullah , 6,18,24

Active , 9

Armada , 17

### B

Bomba , 9, 19

Bendera , 21

Buku , 26, 32, 35, 36

Bukit abal , 14

Belanda , 21

Besut , 16, 17, 20

Bangkok , 12, 13

Brigade , 9

Bola tampar , 9

Bola sepak , 3, 8, 9

Badminton , 8, 9

Bowling , 9



## C

Community, 9

Cekeh , 18

Cukai , 12, 15

Club , 9

## D

## E

Emas. , 16, 19, 22, 29

## F

Futsal , 9

Fatwa , 12, 15, 18, 35

Facebook , 39

## G

Gitar , 10

## H

Hospital , 19

Haji sahak , 17

## I

IPT , 8

Inggeris , 12, 13, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 24, 30, 35, 36

Islam , 13, 15, 18, 21, 22

## J

Jeram , 14, 15, 29

Johor , 13

Julai ,4, 11

## K

Kuala krai , 16, 17, 20

Kampung limbat , 14

Kampung jelor , 6

Kelantan , 2, 4, 6, 8, 9, 13, 14, 20, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 32, 33, 34, 35

Kebajikan , 9

## L

Long gaffar , 14

Long yunus , 14

Lebai kadir , 17

## M

Muzium , 30, 35

Mersing , 22, 29

Melayu , 2, 3, 12, 13, 5, 19, 20, 33, 36, 40

Muzik , 8, 10

Machang , 17, 28

## N

Narathiwat , 13

## P

Pondok , 27

Panasaras , 30

Perancis , 16, 31

Pelagat , 16, 17

Pesirik , 17

Perak , 12, 19

Permata , 18

Peluru , 19

Pahang , 8, 12, 20

Pengerusi , 9

Penguatkuasa , 5

Porla , 10

Porrin , 10

## Q

## R

Risda , 10

Raja legih , 14

## S

Servis , 12

Singapura , 13, 17

Selangor , 8, 12

Sabah , 7, 8, 12, 15, 20, 21, 29

STPM , 5, 6

Sukarela , 9

Sukarelawan , 9

## T

Tesco , 28

Terengganu , 13, 17, 20, 22, 29

Turki , 12, 15

Tuk janggut , 2, 12

Takraw , 8, 9

Thailand , 13, 20

## U

UITM , 8, 17

UMS , 8

## V

## W

Wakaf , 18, 24, 27

Wacana , 23, 26 37

Wushu , 40